

**Sistem demokrasi Malaysia lancar
Utusan Online
06 April, 2012**

KUALA LUMPUR 5 April - Ahli Kongres dari Amerika Syarikat (AS), Eni Faleomavaega menyifatkan sistem demokrasi di Malaysia berlangsung dengan lancar dan terpulang kepada kebijaksanaan rakyat di negara ini untuk memilih sendiri kerajaan.

Beliau memberitahu, adalah tidak adil untuk mana-mana ahli politik dari AS untuk tampil memberi sokongan kepada mana-mana pihak di negara ini.

"Ia bukan urusan kami, tapi saya percaya proses anda akan berlangsung dengan aman dan terpulang kepada anda untuk memilih sendiri, saya percaya kepada kebijaksanaan rakyat Malaysia untuk memilih pemimpin anda," katanya pada sidang akhbar selepas melakukan lawatan di bangunan Parlimen hari ini.

Hadir mengiringi lawatan beliau itu adalah bekas Duta Malaysia ke Amerika Syarikat (AS), Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis yang juga Ahli Parlimen Rompin.

Menurut Faleomavaega yang juga merupakan wakil American Samoa's At-large District di Kongres Amerika, beliau gembira untuk melihat perkembangan demokrasi di Malaysia dan ia merupakan proses yang bukan melalui tempoh singkat.

Katanya lagi, beliau berharap hubungan baik antara kerajaan Amerika dengan kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan berterusan.

"Ini adalah kenyataan awam mengenai polisi Amerika kepada kerajaan Malaysia, kita berharap hubungan baik ini berkekalan.

"Perkara ini sangat unik dan mengenai Jamaludin, saya boleh katakan beliau telah melaksanakan tugas yang cemerlang dalam mewakili Malaysia di AS," katanya yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa Kecil Asia Pasifik di Kongres Amerika.

Sementara itu, Faleomavaega memberitahu, pentadbiran Amerika Syarikat di bawah Presiden Barack Obama sememangnya memberi tumpuan kepada rantau Asia Pasifik terutama dari aspek ekonomi dan keselamatan.

"Polisi baru ditetapkan Presiden Obama adalah memberi tumpuan kepada isu-isu yang berlaku di negara rantau Asia Pasifik dan kita boleh melihat perkara ini menerusi lawatan Presiden Obama ke Indonesia serta Australia di samping pembabitan Amerika di dalam pelbagai persidangan," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0406&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_02.htm